

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA 51)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2014

SOALAN :

Tuan V. Sivakumar [Batu Gajah] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tentang laporan *International Rubber Study Group* (IRSG) mengenai lebih penawaran getah asli sebanyak 384,000 tan pada 2014. Apakah jangkaan kerajaan untuk pasaran getah pada 2015 serta langkah yang diambil oleh Malaysia, Thailand, Indonesia untuk mengatasi kemerosotan harga getah dalam jangka pendek dan panjang.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut laporan *International Rubber Study Group (IRSG)* anggaran pengeluaran getah asli dunia pada tahun 2014 adalah 12.13 juta tan dan penggunaan sebanyak 11.88 juta tan. Ini bererti pengeluaran dianggarkan berlebihan sebanyak 250,000 tan dalam tahun 2014.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menjangka pasaran getah pada tahun 2015 akan bertambah baik berbanding dengan 2014 dengan mengambil kira pertumbuhan ekonomi dunia pada tahap 3.4% pada tahun 2015 berbanding dengan 2.8% pada tahun 2014. Selain itu, China yang merupakan pengimport terbesar getah asli juga diramal mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.6% pada tahun 2015 berbanding dengan 7.5% pada tahun 2014.

Bagi memperkukuhkan harga getah, Thailand, Indonesia dan Malaysia bekerjasama di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council (ITRC)*. Di bawah ITRC, tindakan jangka masa pendek bagi memperkukuhkan harga adalah melalui *Agreed Export Tonnage Scheme (AETS)* di mana ketiga-tiga negara menghadkan eksport getah asli bagi tempoh tertentu. Selain itu, ITRC juga berperanan melaksanakan *Supply Management Scheme (SMS)* yang merupakan langkah jangka panjang bagi memantau perkembangan kawasan baru dan penambahan pengeluaran getah bagi setiap negara anggota

sehingga tahun 2020. Ini bagi memastikan peningkatan penawaran tidak melebihi unjuran permintaan getah dunia.

Selain itu, usaha untuk menggalakkan penggunaan getah domestik telah dicadangkan untuk diberi perhatian oleh ketiga-tiga negara. ITRC juga telah menubuhkan *Demand Promotion Scheme* (DPS) yang bertujuan mengenal pasti program atau projek yang boleh meningkatkan penggunaan getah asli.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di samping itu, usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi menggalakkan penyertaan negara-negara pengeluar getah asli yang lain di ASEAN seperti Vietnam, Cambodia dan Laos ke dalam ITRC yang boleh meningkatkan kerjasama serantau di dalam memperkukuhkan industri getah. ITRC juga akan terus mengadakan dialog dengan pengguna getah utama seperti China dan syarikat-syarikat pengeluar tayar bagi mendapatkan maklumat pasaran dan penggunaan getah yang tepat yang boleh membantu dalam merangka pengeluaran getah di pasaran.

Sekian, terima kasih.